



# **UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DI MALAYSIA**

Malaysia adalah sebuah persekutuan yang ditubuh berdasarkan Perjanjian Malaysia 1963 yang kini terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Sebelum pembentukan Malaysia, Persekutuan Tanah Melayu sudah memiliki sebuah perlembagaan yang diinstitusikan oleh sembilan orang Raja-raja Melayu (Negeri Sembilan ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Besar dan Pembesar-pembesar Memerintah) bagi Kerajaan-kerajaan mereka masing-masing dengan Ratu England mewakili dua buah Negeri Selat; Pulau Pinang dan Melaka pada tahun 1957. Lebih awal daripada itu, Persekutuan Tanah Melayu diikat oleh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Perjanjian Malaysia 1963 ditandatangani untuk menerima kemasukan Singapura, Sabah dan Sarawak berserta beberapa pindaan ke atas peruntukan asal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Apabila Singapura keluar Malaysia, maka Perlembagaan Persekutuan 1963 dipinda pada tahun 1965. Perlembagaan Persekutuan 1965 (termasuklah pindaan-pindaan selepas itu) merupakan undang-undang tertinggi yang menetapkan prinsip ketatanegaraan Malaysia pada hari ini dan masih mengekalkan prinsip kedaulatan seperti termaktub dalam Perkara 181(1).

Prinsip kedaulatan Malaysia menetapkan bahawa Raja-raja Melayu merupakan pemerintah tertinggi dan kedaulatannya dijelaskan dalam Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946 dan Perjanjian Negeri 1948. Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946 menetapkan bahawa kedaulatan Negeri-negeri Melayu hendaklah terletak pada raja-raja di negeri-negeri itu mengikut adat Melayu.

Menurut buku *Jurisprudens Watan Perlembagaan Malaysia: Teks, Konteks & Isu-Isu Ketatanegaraan* (2018), adat Melayu ditakrifkan sebagai adab budaya dan undang-undang seperti tafsiran pada hari ini selain daripada hukum hakam yang diwahyukan oleh Allah SWT selagi tidak bercanggah dengan prinsip ajaran Islam; merangkumi sistem, peraturan, *ethos* dan nilai seperti diwarisi daripada amalan masyarakat dan Kerajaan Melayu pada masa silam. Perjanjian Negeri 1948 pula menetapkan bahawa kedaulatan Raja-raja Melayu adalah seperti mereka miliki pada 1 Disember 1941. Huraian lebih lanjut tentang kedaulatan Raja-raja Melayu boleh didapati dalam buku *Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, Governan & Prinsip Perlembagaan Persekutuan* (2018). Prinsip perlembagaan Malaysia menetapkan walaupun Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi, namun begitu tidak bermakna Parlimen boleh menggubal undang-undang di dalam Persekutuan secara mutlak. Kedudukan kedaulatan Raja-raja Melayu sebagai pemerintah tertinggi dalam negeri mereka masing-masing dan penginstitution Perlembagaan Persekutuan seperti dijelaskan di atas pada hakikatnya mempunyai pengaruh ke atas pemakaian undang-undang yang pernah dilaksanakan di Tanah Melayu. Makalah ini bertujuan untuk menghuraikan status undang-undang jenayah Islam yang terkandung dalam pelbagai undang-undang bertulis sebelum Hari Merdeka, iaitu 31 Ogos 1957 dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan pada hari ini. Makalah ini akan menggunakan sejarah undang-undang dan peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa untuk melatari perbahasan di bawah tajuk di atas. Penjelasan dalam makalah ini akan dapat membuka ruang kepada pihak-pihak berkepentingan untuk menilai semula kedudukan undang-undang jenayah Islam di sisi Perlembagaan Persekutuan menerusi kerangka watan.